

# Nilai Islam dalam pemerintahan: Badan bertindak ditubuh



● DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Kerajaan telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dan badan bertindak bagi menyelaras dan mempercepatkan usaha-usaha menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara.

Jawatankuasa Bagi Kemajuan Agama Islam, dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam sementara Badan Perunding Islam dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Hashim Aman.

Jawatankuasa dan badan ini akan dianggotai oleh para intelektual Islam dan mempunyai hubungan secara langsung dengan pucuk pimpinan dalam hal-hal berhubung dengan pembangunan negara dan Islam keseluruhannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, pernyataan para bijak pandai Islam adalah penting untuk memberi pandangan dan nasihat berhubung dengan pembangunan negara.

Katanya, jawatankuasa dan badan ini berlandaskan dari Majlis Penasihat Kebangsaan Hal-Hal Agama Islam yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

"Yang jelas, jawatankuasa dan badan yang baru dibentuk itu adalah sebagai langkah awal

untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran negara," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Seminar Sehari Penyebaran Al-Quran di Masjid Negara hari ini.

Datuk Abdullah berkata, selain itu Kerajaan juga melaksanakan rancangan besar-besaran seperti memberikan didikan asas agama di peringkat sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi.

Jika rancangan itu berhasil, dengan sendirinya unsur-unsur Islam dapat diserapkan dalam diri setiap pekerja Islam yang berkhidmat dengan Kerajaan atau swasta, tambah beliau lagi.

Bank Islam, misalnya, adalah satu contoh penerapan nilai-nilai Islam dalam sistem ekonomi. "Penerapan ini tidak akan berhasil tanpa cendekiawan Islam dalam pentadbiran bank itu," tegasnya.

Menurut Datuk Abdullah, penerapan nilai-nilai Islam akan dilakukan secara beransur-ansur kerana Malaysia adalah negara berbilang keturunan dan agama.

"Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam usaha ini supaya setiap perubahan tidak menimbulkan ketegangan mendadak dari kaum-kaum lain," katanya.

Bellau menegaskan usaha yang murni ini bukanlah sebagai tindakan balas terhadap tuntutan dari mana-mana golongan, khususnya parti PAS, seperti yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu. "Sebaliknya, ia berasaskan kepada matlamat asal dalam perlembagaan Umno."

Menteri itu berharap generasi sekarang, terutama ahli-ahli Pergerakan Pemuda Umno, memahami langkah Kerajaan meningkatkan nilai-nilai Islam ini supaya usaha ini terus berjalan lancar.

"Satu hari nanti, jika usaha ini berhasil, umat Islam di negara ini akan tetap selamat melakukan apa juga kerja seperti berzikir, bertaahab dan beribadat kepada Allah," jelasnya.

Datuk Abdullah menjelaskan sejak Umno ditubuhkan, perjuangannya adalah berasaskan cinta kepada agama, bangsa dan negara dan selepas Merdeka, perjuangan ini diteruskan dengan mengambil kira suasana negara masa kini.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia